



---

# **DASAR KEMUDAHAN ORANG KURANG UPAYA UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

---

## **Kandungan**

<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
Latar Belakang	3
Objektif	3
Pemakaian	3
Punca kuasa	3
Akrонim dan definisi	3
Perlaksanaan dan Penguatkuasaan Dasar ini	5
Sokongan dan Kemudahan Kepada OKU	5
Penguatkuasaan Dasar	5

## **1.0 Latar Belakang**

Dasar kemudahan orang kurang upaya bertujuan untuk menjaga hak warga UMT secara sama rata dan melindungi warga UMT daripada sebarang ketidakadilan dan berat sebelah, dapat dilaksanakan dengan lebih efektif.

UMT amat menekankan prinsip hak kesamarataan bagi mengelakkan berlakunya diskriminasi dan ketidakadilan kepada rakyat seterusnya dapat menegakkan hak asasi manusia. Hak kesamarataan dapat dilihat dari pelbagai aspek termasuklah agama, bangsa, keturunan, tempat lahir dan jantina. Hak ini diiktiraf sebagai salah satu kebebasan asasi yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

## **2.0 Objektif**

- 2.1 Memastikan setiap orang kurang upaya akan dipertimbangkan secara individu, berdasarkan kes demi kes, untuk menentukan keperluan penginapan;
- 2.2 Mencapai budaya dan persekitaran kerja yang menyokong staf dan pelajar kurang upaya;
- 2.3 Memastikan pematuhan kepada semua perundangan yang terpakai, peruntukan perjanjian kolektif dan dasar Universiti;
- 2.4 Menjelaskan peranan dan akauntabiliti dalam warga UMT.

## **3.0 Pemakaian**

Dasar ini adalah terpakai ke atas semua warga UMT yang berdaftar sebagai staf dan pelajar.

## **4.0 Punca Kuasa**

Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 (Pindaan 2009 dan 2012)

Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surc妖) 2000 (Akta 605)

Kaedah – Kaedah UMT (Tatertib Pelajar -Pelajar 2009)

Pelembagaan UMT (pindaan 2012)

## **5.0 Akronim dan Definisi**

**“Dasar”** bermaksud asas, teras, panduan, aturan atau satu bentuk pelan tindakan bagi mencapai objektif untuk kepentingan negara, agensi, unit, pihak tertentu atau Masyarakat.

**"Hak"** bermaksud milik, kepunyaan - kuasa atas sesuatu atau utk berbuat sesuatu (ditentukan oleh undang-undang agama, adat istiadat, dll).

**"Kemudahan"** bermaksud bahan spesimen, peralatan, makmal, ruang dan lain-lain peralatan tambahan.

**"Pelajar"** bermaksud seseorang pelajar berdaftar di UMT, selain pelajar di suatu institusi yang bersekutu dengan Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persedian, praijazah, pasca ijazah atau pasca kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah.

**"Pengajaran dan Pembelajaran"** bermaksud sebagai satu proses menerap dan menitiskan ilmu dan kemahiran yang mengakibatkan wujudnya interaksi antara pensyarah (yang melaksanakan pengajaran) dan pelajar (yang mengalami pembelajaran).

**"Orang Kurang Upaya"** bermaksud individu "yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat."

**"Staf"** bermaksud mana-mana individu yang diambil bekerja di bawah kontrak perkhidmatan oleh UMT, sama ada secara sambilan atau sepenuh masa, kontrak atau tetap, merangkumi staf akademik dan staf bukan akademik. Bagi tujuan penjelasan:

- i. "Staf Akademik" merujuk kepada mana-mana Staf yang mana urusan pekerjaannya terlibat secara langsung dengan aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang meliputi semua gred dan pangkat.
- ii. "Staf Bukan Akademik" merujuk kepada mana-mana Staf yang mana urusan pekerjaannya tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti pengajaran, penyelidikan dan pembelajaran yang meliputi semua gred dan pangkat.

**“UMT”** bermaksud Universiti Malaysia Terengganu

**“HEPA”** bermaksud Hal Ehwal Pelajar UMT

## **6.0 Perlaksanaan dan Penguatkuasaan Dasar ini**

Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang menjadi penjaga Dasar ini, akan membuat mekanisme untuk mentadbir dan melaksanakan Dasar ini melalui Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang akan diperincikan dalam Garis Panduan/Peraturan yang berkaitan.

## **7.0 Sokongan dan Kemudahan Kepada OKU**

- 7.1 Keperluan pelajar orang kurang upaya dalam pembelajaran sepanjang pengajian di UMT.
- 7.2 Keperluan staf dalam budaya dan persekitaran kerja semasa berkhidmat di UMT.
- 7.3 Memberi cadangan kepada jabatan anda di fakulti ataupun Kampus terlibat berkenaan konsep penyesuaian yang munasabah, keanjalan, kesaksamaan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran akses kepada bahan pembelajaran, peperiksaan, ujian, tugas, tempat kuliah dan lain-lain berkaitan.
- 7.4 Memberi maklumat terkini berkaitan bantuan khas kewangan bagi pelajar orang kurang upaya di peringkat pengajian tinggi.
- 7.5 Membantu pelajar orang kurang upaya dalam permohonan kolej kediaman yang bersesuaian dengan ketidakupayaan mereka.
- 7.6 Menyediakan kemudahan/peralatan/teknologi yang dapat membantu pelajar orang kurang upaya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran.
- 7.7 Sokongan dalam lain-lain keperluan berkaitan pengajaran dan pembelajaran di UMT.